

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung lagi petang ini untuk kita meneruskan meneliti dan membincangkan Rang Undang-Undang 2018 Perbekalan, 2018/2019 di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan penelitian dan perbincangan kita mengenai Rang Undang-Undang Belanjawan ini satu persatu, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini bersidang semula untuk kita meneruskan mempertimbangkan dan membahaskan tajuk-tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang 2018 Perbekalan 2018/2019. Pada mesyuarat yang kita adakan pagi tadi, kita telah mula membincangkan Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah menyampaikan ucapan pendahuluan dan menjelaskan dasar-dasar terperinci berkenaan

dengan hala tuju Belanjawan Kementerian yang disediakan ini.

Saya masih lagi mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian ini.

Saya kira seramai 3 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun ikut serta dalam perbincangan itu sebelum kita berehat pada tengah hari tadi.

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian. Lebih dahulu, kaola merakamkan ribuan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk menyampaikan 6 perbahasan dan pertanyaan dalam Kementerian Perhubungan.

1. Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Setelah setahun menjalankan operasi Kontena Terminal Muara, apakah perancangan Syarikat MPC dalam jangka waktu yang terdekat ini

sebagai usaha untuk membantu pertumbuhan dan mempergiat aktiviti-aktiviti perniagaan para syarikat khususnya para peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana (*SMSE*) dan peniaga-peniaga dalam industri lain selain membantu mempergiat usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menarik pelabur-pelabur asing untuk bertempat di tanah Brunei Darussalam yang makmur lagi berdaulat ini?;

2. Yang Berhormat Pengerusi. *Maritime Port Authority (MPA)*. Pada masa ini Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut telah bergabung untuk menuju kepada *MPA* yang ada pada masa ini. Apakah kedudukan pekerja-pekerja dari Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut yang ada pada masa ini?

Adakah mereka ini telah ditempatkan kepada *Maritime Port Authority* ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam? Kaola juga ingin bertanya kedudukan gaji kakitangan kedua-dua jabatan tersebut adakah ia termasuk dalam peruntukan pada tahun ini?;

3. Yang Berhormat Pengerusi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Jabatan Pengangkutan Darat telah melantik beberapa ejen kereta dan *workshop* untuk melaksanakan pemeriksaan kenderaan bermutu bagi pengeluaran atau kelulusan cukai

jalan (*road tax*) oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Adakah dengan pelaksanaan pemeriksaan kenderaan ke atas kereta-kereta ini sama dengan satu agensi dengan agensi yang lain?

Kita rasa terkilan bila melihat kenderaan yang berkeadaan kurang baik yakni badan kenderaan berkarat, cat yang usang terutamanya dipandu oleh pekerja luar negeri yang mempunyai cukai jalan (*road tax*) yang masih sah, baharu dan belum mansuh.

Secara kasar kita boleh menyatakan seolah-olah kenderaan ini tidak melalui proses yang betul dalam mendapatkan cukai jalan (*road tax*). Dalam perkara ini, apakah tindakan positif yang perlu dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Darat dalam membangkang supaya integriti undang-undang lalu lintas terjaga?;

4. Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan yang telah dan pernah diberikan oleh warga tua dalam kemajuan ekonomi negara iaitu selain meningkatkan taraf dalam hidup di kalangan rakyat dan penduduk tetap yang sudah berumur 60 tahun ke atas dan untuk menghargai warga emas yang menaiki pesawat penerbangan *RB*, kaola mencadangkan supaya harga tiket mereka dikurangkan kepada 50% daripada harga biasa.;

5. Seterusnya kaola ingin juga mengajukan soalan mengenai bas terminal yang ada di Pekan Muara. Pada mulanya keadaan bangunan yang ada di Pekan Muara telah pun siap, tetapi sejak kebelakangan ini bangunan tersebut belum dapat digunakan.

Oleh yang demikian, bilakah pelaksanaan ataupun langkah-langkah dari Kementerian Perhubungan untuk meneruskan perkhidmatan bas Muara untuk menggunakan bangunan tersebut; dan

6. Terakhir, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menghadapkan cadangan mungkin Kementerian Perhubungan telah membuat langkah-langkah atau perancangan untuk jangka panjang. Kaola ingin mencadangkan di sini iaitu mencadangkan untuk dirisik atau dilihat dalam jangka masa panjang, mungkin cadangan ini terlalu memandang ke hadapan tetapi ini hanyalah pendapat dan cadangan sahaja.

Cadangan itu berupa membina *Inter-Borneo Railway* atau kereta api pantas atas rentas tanah Borneo yang melibatkan Negara Brunei Darussalam, Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Kalimantan. Ini merujuk juga dengan teknologi sekawasan negara jiran kita seperti Malaysia Barat yang sudah pun melaksanakan pengangkutan yang serupa ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mungkin dengan adanya *Inter-Borneo Railway* ini bolehlah lagi meningkatkan aktiviti perekonomian negara kita dari pelbagai cara seperti kenaikan pelancong negara asing dan kelancaran pengangkutan barang-barang melalui *railway* ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman membawa beberapa persoalan. Salah satu daripadanya yang saya sangat suka ialah penurunan harga bagi *RB* bagi tiket-tiket warga emas walau macam manapun, sebelum perkara itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjawab dulu pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari yang telah menyuarakan beberapa soalan sebelum kita berehat sebelah tengah hari. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Izinkan kaola menjawab balik tadi ada beberapa soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

1. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari

iaitu mengenai sistem *endorsement* lesen memandu orang asing. Mula-mula sekali terima kasih atas pengamatan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas cadangan yang baik.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat jua pada masa ini bagi pemandu warga asing yang hendak memandu di negara ini dan menetap lebih dari satu tahun hendaklah memohon untuk *diendorse* lesen memandu mereka ini untuk membolehkan mereka memandu di negara ini.

Dalam hal ini pegawai Jabatan Pengangkutan Darat iaitu Pegawai Melesen menemu bual pemohon-pemohon dan sekiranya jawapan itu tidak memuaskan pemohon dikehendaki untuk menjalani beberapa ujian bertulis ataupun ujian memandu ataupun kedua-duanya sekali sehinggalah mereka ini lulus dan jikanya gagal mereka tidak akan diberikan lesen.

Dalam hal ini jua, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** keprihatinan Yang Berhormat tadi akan diteliti dan untuk kitani sama-sama meningkatkan tahap keselamatan di negara ini jua.

2. Soalan berhubung dengan tindakan *significant* diambil atas kesalahan jalan raya oleh orang asing sama ada tinggal di Brunei bekerja atau sebagainya, mula-mula sekali Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari ingin kaola menjawab di sini bahawa warga-

warga asing di negara ini memang tidak terlepas daripada Akta / Peraturan Lalulintas Jalan Raya di negara kitani.

Jika ia kesalahan yang boleh dikompaun iaitu denda kompaun akan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan bagi kesalahan berkenaan. Bagi kesalahan-kesalahan yang berulang-ulang atau *repeat offences*, kompaun yang lebih tinggi akan dikenakan dan jika lebih daripada 5 kali, pemandu yang bersalah boleh dibawa ke Mahkamah untuk dikenakan denda dan saman atau penjara mengikut peruntukan yang ada.

Dalam hal ini jua ingin kaola tambah, ada sistem *demerit* iaitu mata *demerit* akan dikenakan ke atas pemandu yang didapati bersalah dan jika mata yang dikumpulkan telah sampai mata maksimum iaitu 24 mata, lesen memandu pemandu berkenaan yang bersalah itu akan digantung.

Selain itu, tindakan lain juga akan diambil iaitu seperti pemandu akan disuruh untuk diuji semula terutama bagi kesalahan yang berkaitan dengan pemandu seperti berpusing bukan di tempat yang dibenarkan dan JPD juga tidak akan teragak-agak untuk mengantung lesen memandu pemandu yang bersalah bagi kesalahan-kesalahan yang boleh mendatangkan bahaya khususnya.

Pada masa ini, tindakan juga akan diambil ke atas pemilik syarikat jika ia bekerja di sebuah syarikat dan syarikat itu akan digantung lesen kebenaran yang diberikan oleh Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (*MTLA*).

3. Bagi soalan ketiga dan kelima, kaola cantumkan sebab dua-dua berhubung kait dengan kes mabuk ataupun isu mabuk. Dalam hal ini, soalan Yang Berhormat tadi mengenai pemandu mabuk yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kecederaan, pihak Kementerian Perhubungan mula-mula sekali mengambil perhatian serius mengenai isu-isu umpama ini.

Dalam hal ini kaola ingin mengongsikan bahawa jika seorang pemandu yang mabuk itu melibatkan kehilangan nyawa dan kecederaan maka perkara ini memang diambil perhatian berat.

Sebagai contoh bagi kemalangan yang baru-baru ini berlaku, lesen memandu seorang pemandu itu yang didapati mabuk telah digantung oleh Jabatan Pengangkutan Darat semasa proses menunggu tindakan mahkamah dan jika sudah sabit dan diputuskan oleh mahkamah, lesen pemandu tersebut akan dibatalkan sepanjang tempoh yang diputuskan oleh pihak mahkamah; dan

4. Sehubungan dengan soalan yang berhubung kait dengan soalan

keempat tadi Yang Berhormat ada menyoalkan apakah MKKJR mempunyai peranan dalam pemantauan garis jalan di Negara Brunei Darussalam seperti tanda-tanda.

الْحَمْدُ لِلَّهِ memang pekar ini menjadi perhatian utama Kementerian Perhubungan dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) iaitu tanda-tanda garis, *roadline* dan *markings* yang sudah didapati kabur apabila diperhatikan memang terjadi dan berlaku.

Apa yang terus dibuat masa ini di bawah MKKJR adalah dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya, *Road Department* dan sebagainya dan kerjasama jua pihak Polis Diraja Brunei supaya garis-garis ini diperbaiki dan diterangkan.

Ini usaha berterusan yang terus dijalankan khususnya juga untuk keselamatan pengguna jalan raya khususnya pada waktu malam. Diucapkan terima kasih atas pengamatan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari tadi dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini jua akan dibincangkan dan dibawa ke perbincangan ke peringkat MKKJR yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan bersidang dalam masa terdekat ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira pemandu-pemandu yang barang kali di bawah *influence alcohol* saya kira polis mempunyai cara untuk mengesan

sama ada orang itu ditahan ataupun sebaliknya. Misalnya pihak polis mempunyai *instruments* yang tertentu untuk menentukan apa tahap alkohol yang terdapat dalam tubuh badan dan seterusnya apabila didapati nampak orang itu di bawah pengaruh alkohol, maka ia akan di bawa ke mahkamah dan mahkamah mempunyai undang-undang yang tertentu untuk menghukum orang-orang yang sedemikian. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang izinkan kaola menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman tadi.

Ada 6 perkara dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sedaya upaya kaola cuba menjawab, mana-mana soalan yang mungkin belum terjawab, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan disusuli dengan jawapan secara bertulis, jika dizinkan.

- i. Mengenai *Maritime Port Container (MPC)* yang dalam soalan tersebut menyentuh mengenai perancangan dalamannya.

Dalam hal ini, Kementerian Perhubungan hanyalah melihat dari segi dasar dan juga kawalseliaan *Industry Maritime*. Kementerian Perhubungan mengambil maklum mengenainya dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan iaitu Ahli Lembaga Pengarah MPC dan pihak-pihak

berkenaan yang mengendalikan memang urus niaga ataupun *business modeling of the auto company*;

- ii. Berhubung kait dengan *Maritime Port Authority (MPA)* iaitu mengenai kedudukan pegawai dan kakitangan Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut. Apabila *MPA* ditubuhkan percantuman 2 jabatan ini telah pun dibuat dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** seperti dalam mukadimah saya. Tapi ingin kaola menjelaskan bahawa pada masa ini sedang diselaraskan dari segi 2 perkara:

- i. Pihak *MPA*, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** telah pun menyediakan satu polisi iaitu Garis panduan Sumber Tenaga Manusia (*HR Policy*). Ia memang terkandung dalam cadangan-cadangan gaji dan kakitangan bagi keistimewaan pegawai dan kakitangan yang mungkin diserapkan ke *MPA*; dan

- ii. Dalam penyelarasan ini, yang sedang berjalan adalah **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pihak Kementerian Perhubungan memanglah mengambil berat peralihan yang dibuat, pegawai dan kakitangan akan diserapkan ke beberapa entiti untuk yang bersesuaian mengikut kepakaran ataupun mengikut latar belakang masing-masing yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusannya;

- iii. Jabatan Pengangkutan Darat. Iaitu, mengenai isu yang nyata

yang sering kali kitani lihat di jalan raya seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Walau bagaimanapun, dalam usaha Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat, seperti yang kaola jelaskan dalam mukadimah.

Di sinilah, maksud kaola iaitu mengorak langkah ke hadapan untuk memperkukuhkan dan memantapkan lagi urus tadbir yangmana antara lainnya termasuk perkara yang di persoalkan tadi.

Ini termasuklah jua usaha dalam memantapkan penguatkuasaan dari segi kepiawaian ataupun standard yang telah ditetapkan untuk diguna pakai oleh semua syarikat (*VIC Vehicle Inspection Centre*) yang disebutkan dan yang telah kaola jelaskan secara lengkap dalam mukadimah kaola;

- iv. Mengenai soalan cepu emas tadi. Cadangan pengiktirafan bagi warga emas untuk mendapat 50% dalam tiket penerbangan *RB*. Kementerian Perhubungan mengambil maklum akan perkara ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan;

- v. *Bus Terminal* di Pekan Muara. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** perkara ini walaupun

ada perancangan awal sebelum ini, tetapi baru-baru ini dengan adanya satu insiden dimana *bus terminal* tersebut telah pun roboh akibat angin kencang.

Dalam hal ini, ada beberapa perancangan semula, dan antara pemikiran adalah untuk membukakan tempat ini sebagai penggunaan dari segi pendekatan *PPP* dan dalam hal ini jua.

Setelah membukakan kepada prasarana memang ada *indication interested parties* yang mahu memajukan tempat itu. Dalam hal ini jua, Kementerian Perhubungan juga telah pun menyedari secara menyeluruh.

Terminal-terminal bas dan juga Bas-Bas Perhentian di negara ini perlulah diambil kira secara holistik yang ada *consolidation* ataupun *stock take access* tempat-tempat yang difikirkan tidak bersesuaian lagi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mungkin akan diubah lokasi dan ini adalah usaha berterusan yang sedang dibuat pada masa ini; dan

- vi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** satu cadangan yang baik. Ia merupakan cadangan yang menyentuh mengenai *connectivity* antara negara dua, tiga buah negara. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini mungkin terlalu awal untuk diberi sebarang ketetapan,

tetapi ada *platform BIMP-EAGA* yang pihak kementerian atau pihak yang berkenaan secara berkala akan ada membuat perjumpaan setahun sekali ataupun kumpulan kerja mengadakan dua kali setahun untuk membincangkan perkara dasar seperti ini secara bermesyuarah dan supaya kepentingan-kepentingan bersama akan terjaga dan terpelihara.

Sekianlah sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola terangkan disini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozameriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozameriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sebelum kaola mengajukan pertanyaan, kaola sukacita ingin merakamkan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Perhubungan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ banyak pencapaian yang ketara telah dilihat dalam beberapa tahun kebelakangan ini dalam memastikan pihak kementerian mencapai objektif-objektif dan

matlamat-matlamat yang tertentu bagi mencapai hala tuju yang diinginkan.

Kembali kepada persoalan kaola, seperti mana yang diketahui Kementerian Perhubungan telah melancarkan *Land Transport White Paper* pada tahun 2014 yang mengandungi matlamat-matlamat strategik dan visi "*Towards a Smart Society and Excellent Communications by 2017*".

Soalan kaola: Apakah pencapaian pihak kementerian setakat ini, *towards a smart society and excellent in communications by the year 2017* yang telah digariskan dalam *Land Transport White Paper* ini? Antara komponen strategi yang menarik perhatian kaola adalah seperti *Bus Rapid Transit Taxi, Intelligent Transport System, Perhubungan serantau dan Green Vehicle Technology*. Dalam *Land Transport White Paper*, di bawah Tajuk *Taxi Stand Demand Responsive Transport* dinyatakan *Taxi Services in Brunei are failing in their potential both quantitatively in qualitatively*.

Untuk mencapai matlamat ini, salah satu tindakan yang dicadangkan dalam *LTMP* adalah dengan meningkatkan bekalan dan persediaan teksi termasuk mengatur, mengurus dan memberi peluang kepada sistem *franchise* teksi yang baharu.

Satu inisiatif yang nampak dilihat dari pihak swasta, kaola mengambil contoh Syarikat *Start Up* seperti Dart Taxi Fasi 1 telah pun dilancarkan iaitu aplikasi pertamanya bagi penempahan teksi

pada bulan Mei 2017. Pihak pengurusannya telah pun melaburkan modal lebih kurang \$250,000.00 untuk memastikan ia dapat digunakan dengan segera bagi kemudahan masyarakat dan memberikan pekerjaan kepada pemandu-pemandu yang terlatih.

Manakala bagi Fasa 2, *Operational Stage*. Sebagaimana yang telah dirancang adalah untuk dilancarkan pada bulan Ogos 2017. Walau bagaimanapun, terdapat kelewatan dalam proses kebenaran daripada pihak tertentu sehinggalah sekarang Fasa 2 masih belum dapat dilancarkan.

Mungkin proses kelewatan ini dapat diperbaiki supaya syarikat-syarikat *start up* yang berpontesi tinggi seperti ini tidak akan mengalami kerugian besar. Apakah status terkini mengenai perkembangan *dart taxi* ini? Kaola berharap bukan sahaja pihak Kementerian Perhubungan termasuk juga pihak-pihak lain yang berkepentingan akan sentiasa bersedia untuk membuat keputusan yang cepat dan efektif terutama sekali sekiranya ada potensi bagi syarikat-syarikat di pihak swasta untuk membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara kita.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty.

Ada 2 soalan tadi yang kaola dapat tangkap. Mengenai soalan pertama tadi pertanyaan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty mengenai *Land Transport White Paper* dan apakah status pelaksanaannya setakat ini. Kaola ingin mengongsikan 2 perkara:

1. *Land Transport White Paper* ini sebenarnya adalah *extension* kepada pelaksanaan *Land Transport Master Plan* yang telah pun siap disediakan pada tahun 2014/2015. Dari segi pelaksanaan *LTMP* ini, memang disediakan satu kertas pelaksanaannya.

Dalam hal ini, dalam *LTMP* ini daripada *guide linenya* mengunjur kepada *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* tahun 2035. Tetapi dalam hal ini ada beberapa *mid term reviews* atau pun setiap 5 tahun ia akan diteliti dan ditinjau balik.

Land Transport White Paper memang menyatakan beberapa komponen yang menyatakan *heading for Intellegent Transport System (ITS)* adalah satu; dan dua seperti yang disebutkan tadi adalah *electric vehicle (EV)* ataupun *green technology for automobiles*.

Dalam hal ini, dari segi pelaksanaannya ada perancangan di Kementerian Perhubungan untuk mengenal pasti beberapa projek perintis yang telah dikenal pasti *electric vehicle (EV)* ini menjadi satu bidang yang berpotensi. Perkara ini sebenarnya telah pun dipromosikan beberapa tahun yang lepas, walau

bagaimanapun, pemberigaannya mungkin kurang dan kesedaran orang ramai khususnya kanak-kanak sekolah perlulah dipertingkatkan lagi.

Dalam hal ini, Kementerian Perhubungan juga **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** telah pun berunding dan akan berunding terus bersama pihak-pihak yang berkepentingan lain seperti Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian *among others*, mengenai perkara ini akan diteliti dan *distudy* lagi.

Dari segi pencapaian Kementerian 2017 sehubungan dengan *Land Transport White Paper* ini, sudah nampak seperti dalam mukadimah kaola telah menerangkan antara satu projek besar ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diadakan ialah satu sistem pengangkutan darat. Projek ini pada tahun ini dijangka akan menelan belanja yang besar.

Dalam hal ini beberapa komponen akan dirancang untuk dimasukkan dan mudah-mudahan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan mula mengorak langkah permulaannya pada *quarter* keempat pada tahun ini ataupun lebih awal tetapi sasaran adalah *fourth quarter of this year* untuk mula melaksanakan komponen-komponen yang ada;

2. Mengenai berhubung kait secara holistiknya Dasar teksi ataupun Dasar Teksi Untuk Pengangkutan Awam.

الْحَمْدُ لِلَّهِ keperihatinan Yang Berhormat tadi memang dialu-alukan dan diambil baik dan perkara ini perlulah jua ada penyelarassannya sebenarnya walaupun tadi disebut mengenai satu syarikat *start up company*.

Kaola sendiri pun sebenarnya telah berjumpa dan melawat mereka ini. Apa yang didapati, perlu penyelarasan dengan dasar kementerian dan dasar kerajaan jua. Kita perlu mengambil kira jua dalam pengangkutan awam ada beberapa komponen yang penting, umpamanya beberapa kaedah:

- i. Teksi; dan
- ii. Pengangkutan awam seperti bas dan juga mungkin seperti pengangkutan awam di perairan.

Kementerian mengalu-alukan apa jua cadangan-cadangan daripada pihak swasta iaitu kalau kaola dapat menerangkan sedikit bagi syarikat yang disebutkan tadi memang pada Fasa 1 dibenarkan sudah.

Syarikat berkenaan telah pun membukakan satu prasarana yang baharu iaitu mereka menggunakan satu aplikasi untuk memudahkan orang ramai mengambil teksi. Ini pun kita lihat sudah di luar negeri dan apa yang bagusnya, ia teratur dan terkawal.

Mengenai Fasa 2 iaitu untuk mengadakan kenderaan-kenderaan

ataupun teksi-teksi berkenaan. Perkara ini perlu penelitian yang terperinci.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian الْحَمْدُ لِلَّهِ melalui Jabatan Pengangkutan Darat telah pun mengeluarkan satu *provisional permit* untuk syarikat ini untuk mengadakan atau pun menjalankan apa jua keperluannya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi dan juga jawapan Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengenai terminal bas di Daerah Temburong belum ada, perkhidmatan bas awam pun belum ada, perkhidmatan teksi pun inada ada lagi termasuk perkhidmatan bas awam ke kampung-kampung.

1. Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu apakah ada rancangan pihak berkenaan untuk mengadakan perkhidmatan yang kaola sebutkan di atas? Ini mengambil kira apabila

siapnya jalan penghubung BSB/Temburong nanti.;

2. Mengenai *Pusat Stop Centre* Kampung Labu. Dua tahun dari sekarang jalan penghubung BSB/Temburong akan siap. Difahamkan di hujung pertemuan jalan sedia ada di Kampung Labu dibuat pusing keliling.

Adakah dalam perancangan jabatan berkenaan bagi membina pusat perhentian (*stop centre*) tempat rehat (*rest area*) dan dengan adanya *stop centre* tersebut boleh menjana lagi perekonomian penduduk setempat dan bangunan kontrak yang sedia ada boleh dijadikan pusat berkenaan, jika bersesuaian.;

3. Mengenai Jabatan Laut tempat penurunan perahu bot laju yang baharu. الْحَمْدُ لِلَّهِ Bangunan Jeti Penurunan Perahu Daerah Temburong sudah ada. Walau bagaimanapun, bangunan jeti penurunan perahu bot laju di Bandar Seri Begawan dibuat sementara.

Soalannya: Adakah perancangan pihak berkenaan bagi membangun bangunan yang kekal di Bandar Seri Begawan? Dicadangkan supaya penjualan tiket atau harga tiket dan catar bot laju diselaraskan dengan semua pengusaha syarikat yang beroperasi.;

4. Penguatkuasaan Akta Pemakaian Jacket Keselamatan seperti yang ditaklimatkan tadi, diambil maklum.

Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya setakat ini: Apakah kesan dan promosi kempen yang dijalankan? Apakah tindakan selanjutnya yang akan dibuat oleh pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah yang timbul terutama bagi mereka yang enggan mematuhi akta berkenaan termasuk kepatuhan mengambil insurans dan lesen memandu?

Adakah pihak berkenaan bersedia membuat kajian semula akan kesesuaian bot laju dan perahu penambang yang ada pada masa ini bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan semua pengguna?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Yang Berhormat telah pun menyuarakan 4 soalan dan juga soalan yang mungkin kaola tidak menjawab akan disusul secara bertulis jika diizinkan.

1. Mengenai berhubung kait dengan keperluan adanya terminal bas iaitu bas awam di kampung-kampung ataupun tempat-tempat di Daerah Temburong. Dalam hal ini kaola ingin mengongsikan juga beberapa pemikiran dan perancangan Kementerian Perhubungan dan selari jua dengan apa yang dikeluarkan

oleh *Land Transport Master Plan* dan *Land Transport White Paper* yang telah pun dibincangkan tadi. Memang ada perancangan dari segi menyediakan ataupun penyediaan *bus feeder services* jika sekiranya *Bus Rapid Transit (BRP)* terlalu besar untuk digunakan di beberapa tempat yang dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan kecil.

Perkara ini perlulah penelitian lanjut khususnya juga dengan di beberapa agensi yang lain seperti Jabatan Kerja Raya (*Road Department*) sebab dalam perancangan apa jua pengangkutan darat ia melibatkan seperti kaola pernah suarakan juga. Ia melibatkan satu *land transport planner* dan yang penting *land transport planner* ini berhubung kait juga dengan bagaimana kita membuat ataupun membina sebuah kemudahan jalan raya dan sebagainya;

2. Perkara ini ada juga hubung kait dengan soalan kedua tadi iaitu Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu telah pun mencadangkan satu cadangan yang baik yang kaola ambil sangat baik iaitu mengenai *One Stop Centre* yang ia ada berkaitan dengan perlokasian *roundabout*, mengenai pergerakan trafik jika ia ditempatkan di tempat yang betul dengan *connectivity* yang betul maka ia akan berjalan dengan lancar, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Dalam hal ini, walau bagaimanapun perkara ini memerlukan satu

penelitian dasar juga terperinci dengan pihak seperti yang kaola tadi pihak Jabatan Kerja Raya khususnya dalam dari segi melihat sejauh mana cadangan ini boleh dapat dipertimbangkan;

3. Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu iaitu mengenai jeti. Ada baiknya jika sekiranya bangunan kekal dibangun jeti di Bandar Seri Begawan dan Jeti di Daerah Temburong seperti kita sudah maklum **الْحَمْدُ لِلَّهِ** baru-baru ini pada 13 Mac 2018 siap semula *rebuild* jeti di Bangar dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** sudah selamat digunakan oleh orang ramai dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan tadi itu memang diambil baik dan akan dibawa kepenelitian bersama lagi dengan pihak-pihak yang berkenaan; dan
4. Mengenai keberkesanan kempen-kempen kesedaran mengenai *life jacket* (jaket-jaket keselamatan) bagi penggunaan perairan-perairan Negara Brunei Darussalam khususnya di perairan Sungai Brunei sebenarnya. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** walaupun pada peringkat awal ini nampak lagi masih ada perlu pembaikan dari segi pengambilan orang ramai, keprihatinan orang ramai untuk memakai jaket keselamatan ini sebenarnya adalah untuk keselamatan dan kebaikan diri kita sendiri juga.

Untuk memupuk budaya keselamatan ini memanglah **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan mengambil masa tetapi dalam hal ini

pihak-pihak yang berkenaan khususnya pihak **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan bekerjasama dengan beberapa pihak lain khususnya mungkin pihak-pihak swasta, *NGO's* dan bukan kerajaan ataupun pihak-pihak *volunteer group* akan tampil ke hadapan untuk sama-sama memberigakan kesedaran ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ setakat ini pihak kementerian sebenarnya melantik beberapa *ambassador* yang bukan kerajaan untuk *prominent ambassadors* **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** yang akan membantu dalam pemberitaan isu-isu keselamatan dan *life jacket* yang kaola sebutkan tadi.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira secara logiknya apabila siap jambatan yang menghubungkan Bandar Seri Begawan dengan Bangar, Temburong tentulah keadaan akan berubah iaitu penggunaan bot kedua-dua bandar itu akan mengalami sesuatu perubahan yang besar. Saya kira keadaan akan berubah apabila jambatan yang kita tunggu-tunggu itu nanti siap. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Dipersilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah dan penjelasan mengenai bajet dan fungsi serta tanggungjawab kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah disampaikan tadi.

1. Kaola membangkitkan Tajuk SN01A, Kod 1107/001 - Pengangkutan Awam. Adakah pemikiran untuk meluaskan lagi perkhidmatan pengangkutan awam (bas awam) ke kawasan pedalaman? Apa yang dilihat terdapat warga-warga asing yang bekerja di syarikat-syarikat swasta seperti di kilang-kilang papan dan tukang kebun di Kawasan Sungai Mau dan Mukim Labi yang memerlukan pengangkutan awam untuk membawa mereka keluar seperti ke Pekan Seria, Kuala Belait dan Bandar Seri Begawan bagi membeli keperluan seharian mereka.

Mereka sering menahan kereta awam dan meminta belas ihsan orang awam untuk membawa mereka ke destinasi yang disebutkan tadi. Perkara ini berlaku setiap hujung minggu seperti hari Ahad.

Maka dicadangkan untuk diadakan perkhidmatan bas secara berkala iaitu setiap satu atau dua kali seminggu.

Perkara ini juga dapat mengelakkan keaktifan aktiviti-aktiviti teksi sapu.

2. Seterusnya kaola membangkitkan Kod 1107/007 - Pembangunan Menara di Luar Bandar. Bilakah menara-menara *DST* yang baharu didirikan di kawasan Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat dan di Kawasan Mukim Labi akan mula beroperasi; dan
3. Seterusnya kaola ingin merujuk balik mengenai isu pemindahan Tol Rasau seperti dalam lawatan kerja Yang Berhormat ke Pos Sungai Tujuh pada 12 Februari 2017. Yang Berhormat memaklumkan secara tidak rasmi kepada kaola dan Yang Berhormat Zon 1 Daerah Belait bahawa Tol Rasau akan dipindahkan pada 1 Mac 2017 ke Pos Sungai Tujuh. Isu pemindahan tol juga telah ditular dan tarikh pemindahannya juga dipindah kepada 1 April 2017.

Pada 10 Mac 2018 pihak Kementerian ada mengadakan perjumpaan bersama Ketua-Ketua Kampung Pekan Kuala Belait serta penduduk Kampung Sungai Teraban untuk menjelaskan mengenai isu tol tersebut.

Walau bagaimanapun dalam ketelusan Kementerian Perhubungan dalam menangani masalah tersebut, kaola mohon dalam Dewan yang mulia ini perkara ini dapat dijelaskan bagi pengetahuan umum. Sekian disampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri

Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan diucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Di mana ada 3 soalan tadi iaitu:

1. Adakah perancangan untuk menyediakan pengangkutan awam kepada destinasi-destinasi di kawasan pedalaman. Kaola telah pun menjelaskan sebentar tadi dan dalam jawapan kaola tadi. Memang ada perancangan dan kaola tidak akan berpanjang lebar lagi untuk menerangkan sebab, memang ada perancangan untuk mengenal pasti tempat-tempat, lokasi-lokasi yang memerlukan.

Contohnya kaola tadi *Bus Feeder Services* iaitu pendekatan ini khusus untuk mengendalikan ataupun memenuhi keperluan orang-orang yang tinggal di tempat-tempat yang jauh di pedalaman dan sebagainya.

Perkara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteliti dan cadangan Yang Berhormat memang diambil baik untuk dibawa keperbincangan beberapa agensi dengan Kementerian Perhubungan lagi.;

2. Pembangunan Menara. Kaola memohon untuk meminta menjawab soalan ini kemudian dan kalau dapat kaola terus menjawab Tol Rasau yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi.;

3. Kedudukan mengenai Tol Rasau ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** seperti yang disebutkan tadi kaola sendiri pun ada dengan pihak-pihak yang berkenaan dengan melihat di sana dan mendapati juga ada beberapa perkara iaitu:

- i. Dalam hal ini, beberapa pilihan lokasi telah pun dikenal pasti sebelum ini bagi pemindahan Tol Rasau yang ada kepada satu lokasi yang difikirkan ataupun dipertimbangkan bersesuaian;
- ii. Dalam membuat kenal pastian itu, ada beberapa isu dasar yang perlu juga dikemaskinikan lagi. Antaranya adalah **الْحَمْدُ لِلَّهِ** caranya bermesyuarah secara berterusan dan telah pun diadakan beberapa kali.

Mesyuarah dengan penduduk ataupun orang ramai yang tinggal di kawasan yang berkenaan khususnya di Sungai Teraban. Di peringkat akar umbi telah pun dimesyuarahkan dan cuma dari segi dasarnya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat diteliti lagi secara terperinci. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam masa terdekat ini satu ketetapan yang akan diperolehi apabila beberapa agensi ataupun kementerian termasuk Kementerian Perhubungan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan khususnya perlu meneliti sedalam-dalamnya sebelum

perkara ini ditetapkan di lokasi yang telah pun dicadangkan itu.

Sehubungan dengan soalan Yang Berhormat mengenai Menara Telekomunikasi, itu sebenarnya menara telefon bimbit untuk liputan ataupun *coverage mobile communication services*.

Seperti juga yang ditanyakan tadi seingat kaola bagi Kampung Merangking ada beberapa buah tapak iaitu dalam 20 buah tapak yang dirancang oleh pihak penyedia yang masih dalam fasa pembangunan.

Sasaran untuk membuat ataupun mendirikan menara-menara tersebut itu, adalah sasaran pada akhir bulan Ogos 2018 bagi Kampung Merangking. Itulah yang kaola ingin sampaikan saja sehubungan dengan soalan yang ditanyakan tadi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kaola terus saja ingin menyentuh 4 perkara strategik yang menyentuh

dasar Kementerian Perhubungan. Kaola merujuk dasar Pengangkutan Darat iaitu *Blueprint for Vision 2035 – Sustainable and Inclusive Land Transport System for Brunei Darussalam*, yang telah diterbitkan ada menyebut 2 perkara di iaitu:

1. Pengangkutan awam dan Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi menyebut mengenai *bus rapid transport (BRT)* dan juga barangkali berkaitan *public transport interchange (PTI)*. Barangkali kalau dapat abis kaola dapat memberi pandangan di sini *lets start small and make it happen* dan fokus sebuah saja dulu *BRT lines* ini untuk dimulakan kerana *BRT lines* yang dibaca dalam laporan ataupun perancangan tersebut ada 4 dijangka masa yang panjang;
2. Dalam dasar tersebut ada menyebut mengenai *Transport For Brunei Authority (TFBA)*. Ada menyebutkan mengenai dalam *Land Transport Master Plan* yang akan merintis ke arah pengwujudan sebuah *Transport for Brunei Authority (TFBA)* sebagai badan tertinggi dalam menyelaraskan pengurusan pengangkutan kebangsaan sebagai sebuah struktur organisasi. Apakah status mengenai perkara ini?;
3. *Automotive navigation system*. Dengan penggunaan *turn by turn navigation* melalui *GPS devices* yang telah banyak membantu para pemandu masuk di negara kitani.

Apakah dasar pihak kementerian mengenai perkara ini?

Terutama sekali dari segi keselamatan penggunaanya yang semakin banyak digunakan oleh para pemandu bukan sahaja melalui telefon bimbit malah ada juga terpasang tersedia di kereta-kereta mereka.; dan

4. Keselamatan kenderaan baharu. Dengan lebih banyak pilihan kenderaan-kenderaan baharu perlulah kitani memastikan mana-mana kenderaan yang tidak mempunyai *minimal safety rating* atau *minimum safety standard* ini tidak dibenarkan dijual di negara kitani. Walaupun harganya adalah murah kerana keselamatan pengguna adalah penting.

Penilaian seperti *national vehicle safety rating* atau penilai keselamatan kenderaan kebangsaan bolehlah diusahakan seperti mana *New Car Assessment Programme* ataupun apa yang lebih dikenali dengan *NCAP* yang ada diseluruh dunia. Teknologi semakin berubah dan dapat menolong mengelakkan kemalangan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kecederaan atau kematian. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ucapkan terima kasih pada Yang Berhormat

Awang Iswandy bin Ahmad kerana mengajukan ada 4 soalan tadi.

1. Secara ringkas izinkan kaola saja menjawab soalan-soalan berkenaan. Perkara ini beberapa kali sudah kaola telah jelaskan dan menerangkan tapi khusus bagi soalan ini memang cadangan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad diambil baik dan ada juga kaola tadi menyebut perkara pelaksanaan (*LTMP*) dan *Land Transport White Paper* itu memanglah mengambil kira dengan faktor-faktor *externalities* apabila sudah dilaksanakan memang mungkin perubahan penelitian semula semasanya dijalankan.

Ini seperti kaola tadi mengambil kira untuk mengenal pasti beberapa projek rintis, tetapi dalam hal ini, cadangan tadi diambil baik dan mungkin **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dapat dipertimbangkan jua. Pelaksanaan akan dibuat secara progresif dan berfasa mengikut skala yang bersesuaian. Itulah jawapan pada soalan pertama;

2. Ada disebut dalam *Land Transport Master Plan* menyarankan dalam *policy recommendation* bahawa *there is one single authority* yang digelar *Transport for Brunei*. Ini pemikiran awal. Dalam hal ini, Kementerian Perhubungan sedang meneliti semula dan melihati apa implikasinya adanya cadangan-cadangan seumpamanya ini dan pada masa ini untuk mengongsikan sahaja ada beberapa pilihan atau

options sebenarnya yang telah pun dikenal pasti di peringkat kementerian.

Pada dasarnya memanglah hala tuju *is going towards that* **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kerana dalam penjelasan kaola awal tadi ada kaola menyebut mengenai perlunya *consolidated approach* dalam pengangkutan darat berhubung kait rapat dengan jalan raya pengangkutan darat dan juga seperti kaola beberapa kali sudah sebut tadi *the need for transport planner. This is one of the recommend action;*

3. Mengenai pemikiran atau cadangan untuk mengadakan *Automatic Navigation System* secara umumnya sudah ada memakai *Apps* dan sebagainya. Tetapi dalam hal ini, memang ada keperluan untuk penelitian bersama dengan pihak-pihak tertentu khususnya teknologi-teknologi *group* swasta khususnya. Kementerian Perhubungan dalam perundingan dengan pihak *Brunei Automobiles Traders Association (BATA)* jika sekiranya keperluan *GPS* untuk kereta ataupun kenderaan-kenderaan boleh dibuat;
4. Mengenai keselamatan bagi kenderaan-kenderaan baharu sama juga dengan perkara tadi. Perkara ini sedang di rundingkan bersama dengan pihak berkepentingan seperti *BATA (Brunei Automobiles Traders Association)* iaitu:

Keselamatan adalah *key*. Keselamatan bagi kereta ataupun kenderaan sangat kritikal iaitu beberapa *international standards* yang kitani boleh ikuti dan seperti yang disebutkan tadi *one of the standards* yang kita ikuti adalah *in kept*.

Ada beberapa penilaian dari segi *crash test* keselamatan pemandu dan juga penumpang untuk diambil kira. Dalam hal ini, apa jua cadangan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad tadi memang diambil baik cadangan dan insya-Allah akan di bawa ke peringkat pelaksanaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana yang kita sedia maklum warga emas adalah warga yang perlu diambil perhatian.

Terdapat sebilangan warga emas yang mengalami kesulitan dari segi perhubungan dan pengangkutan khususnya mereka yang tinggal bersendirian atau yang dengan keluarga yang kurang berkemampuan. Apakah kiranya bersesuaian jika pihak Kementerian Perhubungan dapat memberikan bantuan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan percuma

kepada warga emas dari rumah ke hospital atau klinik kesihatan untuk mendapatkan pemeriksaan rawatan kesihatan dan ke rumah Ketua Kampung atau Penghulu untuk berurusan dengan pencen-pencen tua.

Adanya perkhidmatan ini nanti ia banyak membantu warga emas untuk meningkatkan *accessibility* kepada kemudahan perubatan yang diperlukan demi kesejahteraan mereka. Jika bantuan ini bersesuaian, kaola cadangkan atas kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Pusat Warga Emas dijadikan sebagai pusat pada perkhidmatan ini dan Warga Emas hanya perlu menghubungi *hotline* pusat ini untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan yang kaola sebutkan tadi.

Untuk makluman bersama, perkara ini sudah dipraktikkan di negara jiran melalui Program Unit Penyayang Warga Emas. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon kerana bertanyakan yang berhubung kait dengan keperluan Warga Emas.

Ada Pemikiran tadi atau cadangan apa kiranya kalau pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Perhubungan kali tadi dapat menyediakan beberapa pilihan untuk memberikan perkhidmatan bas secara

pecuma. Bagi menjawab soalan itu kaola ingin mengongsikan ada 3 perkara yang berhubung kait dengan ini:

1. Memang dalam dasar Pengangkutan Awam *LTMP* yang kaola telah sebutkan tadi, antara komponennya adalah untuk mengadakan satu pengangkutan awam yang inklusif untuk *include* Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas dan sebagainya.

Dalam perancangan besar iaitu *إن شاء الله* Projek Sistem Pengangkutan Darat itu memang diselitkan keperluan seumpama ini tetapi pada setakat ini memang membawa ke perkara kedua bagi mempertimbangkan apa jua cadangan seumpama ini.

Ia memerlukan jua mungkin penyertaan dari pihak swasta ataupun dari pihak yang berminat untuk ikut serta dalam penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan gratis seumpama ini.

Antaranya ada yang dijalankan di luar negara dari segi *CSR*nya (*corporate social responsibility*) bagi beberapa pihak swasta yang mungkin berminat. Ini satu pemikirannya sahaja dan membawa kepada itu perkara ketiga yang kaola kongsikan.

إن شاء الله dalam apa jua pelaksanaan, mungkin cadangan ini *الحمد لله* memang diambil baik dan beberapa pihak yang disebutkan tadi seperti

ada pihak dari KKBS dan Kementerian Perhubungan akan bersedia untuk berunding untuk meneliti perkara ini dengan pihak-pihak yang berkenaan tadi itu. Terima Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. الْحَمْدُ لِلَّهِ koala bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan mengucapkan terima kasih atas perhatian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam dan peraturan undang-undang yang tertentu bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa diambil perhatian dan menjadi keutamaan.

1. Kaola menyentuh mengenai jalan raya:
 - i. Bagi kemudahan lintasan *Zebra* iaitu tempat melintas pejalan kaki yang disediakan di tempat-tempat yang tertentu, sudah tiba

masanya kemudahan ini diberi perhatian yang sewajarnya. Cadangan menaik taraf dan mengubah suai perlu bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan kewaspadaan kepada pengguna dan orang ramai terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai kapasiti pengguna dan kenderaan yang sentiasa meningkat seperti di kawasan bangunan-bangunan komersial dan pusat-pusat membeli-belah.

Dicadangkan supaya menyediakan lampu isyarat melintas jalan yang bertujuan untuk mengawal lalu lintas dan pejalan kaki terutama sekali pada waktu-waktu bekerja atau sibuk;

- ii. Meneliti semula jarak jalan tersebut dan jumlah kemudahan melintas jalan yang sedia ada mengikut kesesuaian bagi meningkatkan kewaspadaan dan tumpuan pemandu-pemandu kenderaan kepada pejalan-pejalan kaki yang menggunakan kemudahan ini; dan
- iii. Menaik taraf kemudahan berkenaan agar lebih mesra pengguna dan dapat digunakan dengan sebaik mungkin oleh semua lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya, berkerusi roda dan seumpamanya. Adakah

perancangan pihak kerajaan yang berkenaan dalam meningkatkan kualiti kemudahan-kemudahan awam di Negara Brunei Darussalam ini terutamanya yang kaola sebutkan tadi?

2. Kaola menyentuh mengenai kenderaan darat. Terdapat beberapa kenderaan yang mengeluarkan bunyi yang kuat sehingga mengganggu ketenteraman awam dan mengeluarkan asap *carbon* berlebihan yang boleh mencemarkan alam sekitar. Apakah ada peraturan undang-undang bagi menangani perkara ini?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung tadi.

Ada 2 soalan tetapi soalan pertama tadi ada pecahannya:-

1. Untuk soalan tadi kaola sekali lagi menyedari bahawa perkara ini memang *very common so* soalan-soalan yang sebelum ini khususnya dalam perancangan mengenai kemudahan-kemudahan awam untuk digunakan bagi menjamin keselamatan di jalan raya khususnya bagi para pengguna-pengguna seperti pemandu kereta, pejalan kaki dan sebagainya.

Perkara ini diambil maklum dan perhatian, memang ada perancangan sebenarnya dan dalam mukadimah kaola pun ada menyentuh mengorak langkah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan raya (*MKKJR*) telah pun mengorak langkah yang satu daripadanya ialah penaiktarafan. Untuk makluman bersama pengerusi MKKJR lazimnya sebelum ini adalah di peringkat Setiausaha Tetap dan sekarang sudah pun dinaikkan menjadi Menteri Perhubungan sendiri menjadi pengerusinya. Dalam hal ini beberapa strategi tempat-tempat berpusing ataupun *u-turn*, tempat-tempat perhentian bas dan tempat-tempat bagaimana orang dari satu sebelah jalan untuk menyeberang ke sebelah jalan. Untuk menaiki satu perhentian bas adalah satu-satunya perkara yang telah pun diambil perhatian dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteliti untuk penyelarasan dengan adanya nanti Projek Sistem Pengangkutan Darat ataupun Penaiktarafan Sistem Pengangkutan Darat.

Dalam hal ini kaola juga ingin mengongsikan bahawa dalam apa-apa juga mengorak langkah ini perlunya ada kerjasama daripada semua pihak bukan sahaja pihak kerajaan tetapi pihak orang ramai khususnya juga kita sama-sama juga mengambil berat akan isu-isu keselamatan ini;

2. Sehubungan dengan kenderaan yang didapati di jalan raya yang mungkin dikenal pasti sebagai:-
- i. Mengeluarkan bunyi-bunyi yang bising; dan
 - ii. Mengeluarkan asap-asap yang tebal dan sebagainya. Memang ada di bawah peruntukan-peruntukan Akta Lalu Lintas Jalan Raya dan apa yang menjadi perkara yang penting di sini adalah penguatkuasaannya. Satu penguatkuasaan dan kedua peranan *vehicle inspection centers (VIC's)*. Perkara-perkara begini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mungkin dapat ditangani secara lebih teratur apabila dua perkara ini dilaksanakan dengan lebih mantap lagi; dan
3. Dalam hal ini juga, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat sangat prihatin kepada apa juga isu-isu yang berlaku di jalan raya khususnya kenderaan-kenderaan lama. Beberapa operasi sebenarnya telah pun dijalankan dan berterusan. Beberapa buah kenderaan yang dikenal pasti yang tidak selamat telah pun dibawa sebagai tindakan lanjut daripada pihak berkuasa. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa juga pandangan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung tadi diambil baik dan sangat diambil perhatian mengenainya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi. Sejarah adalah merupakan peninggalan dan ristaan serta sebagai lidah zaman untuk menceritakan sesuatu kejadian dan peringatan kepada generasi ke generasi sesebuah negara di dunia ini.

Begitulah halnya mengenai *Jetty Queen* yang terletak di Kampung Dato Gandi Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara yang dibina sempena keberangkatan tiba baginda *Queen* ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1970-an kalau kaola tidak silap.

Apa yang menjadi kegelisahan penduduk Kampung Dato Gandi dan persekitarannya pada masa ini ialah ada sebuah kapal berlabuh di jeti tersebut di samping membina pondok di sekitar jeti berkenaan yang boleh merosakkan bentuk asal jeti tersebut. Adakah kebenaran telah diberikan kepada pemilik kapal berkenaan? Apakah syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang diberikan? Adakah pembayaran sewa dikenakan kepada pemilik kapal berkenaan sebagai hasil negara?

Seterusnya, kita telah maklum sekarang ini ada 2 *mobile operator* di negara ini iaitu *DST Communications Sdn. Bhd.* dan *Progressive Cellular Sdn. Bhd.* *Dst* pula adalah yang paling lama beroperasi di negara ini manakala *progressive* yang terbaharu. Walaupun sekian lama *rate* panggilan dan sebagainya yang disediakan oleh *DST* tidak ada perubahan sehingga kini walaupun sudah lama beroperasi dan jumlah pelanggannya yang ramai.

Satu lagi ialah mengenai perkhidmatan *roaming*. Jika dibandingkan di luar negeri banyak saingan dengan *mobile operator* sehingga memudahkan orang kita mendapat perkhidmatan semasa berada di tempat negeri berkenaan.

Ke arah ini:

Adakah ada pemikiran ke hadapan untuk *DST* memberikan satu pakej ataupun harga berpatutan supaya orang kitani di luar negeri akan kekal menggunakan *DST* ataupun *Progresif* tanpa menukar-nukar simkad?

Kaola akan menyentuh di bawah Kod 002/002 - Penambahbaikan Operasi dan Transformasi Perkhidmatan Lesen Memandu, Lesen Kenderaan, Pendaftaran Kenderaan dan Pemeriksaan Kenderaan. Pada masa ini, cukai jalan raya dimestikan penyambungannya dibuat setiap tahun yang setentunya melibatkan banyak perbelanjaan dan keperluan lain berkaitan dengannya.

Dalam hal ini:

Adakah ada pemikiran ataupun perancangan Kementerian Perhubungan ke hadapan melalui Jabatan Pengangkutan Darat untuk memanjangkan tempoh cukai jalan raya ini dari 1 tahun kepada 5 tahun?

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, yang mengajukan 3 soalan:

1. Berhubung kait dengan pertanyaan Yang Berhormat tadi. Adakah kapal yang disebutkan tadi mempunyai kebenaran atau tidak dan sebagainya. Pada menjawab soalan ini, memang ada penyelarasan (*coordination of authorities*) antara pihak berkuasa Maritim dan Pelabuhan (*MPA*) yang sebelum ini Jabatan Pelabuhan yang bertanggungjawab di mana jua pelabuhan dan kawasan-kawasan pelabuhan dan jeti dan agensi-agensi lain.

Antaranya, seperti Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan dan lain-lain agensi yang berkenaan. Ia mengikut keperluan dan bidang kuasa kawasan yang dipohonkan dari segi

pengeluaran, kebenaran ataupun permit bagi mana-mana jua kapal yang akan berlabuh atau bertambat di jeti-jeti yang ada. Ini termasuklah jua jeti *Queen Elizabeth* yang telah disoalkan tadi.

Dalam hal ini, *Muara Port Authority (MPA)* berperanan untuk memantau dari segi kepiawaian-kepiawaian (*standards*) dari segi *the worthiness* bagi apa jua kapal yang ada berlabuh ataupun bertambat di kawasan-kawasan pelabuhan ataupun jeti Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, kaola tekankan sekali lagi ada penyelarasan dari segi pemberian kebenaran dan pihak-pihak berkenaan mungkin juga akan dapat menambah jawapan kepada soalan itu. Tetapi dari perspektif Kementerian Perhubungan, itulah saja yang kaola dapat sampaikan; dan

2. Soalan berhubung *DST Communications* ataupun *mobile operator* yang telah disuarakan tadi bahawa kadar-kadar perlu diberi kadar yang lebih murah ataupun *affordable*.

Dalam hal ini ada 2 perkara:

- i. Dari segi dasar dan kawal seliaannya (*policy and regulatory*), perspektifnya, pihak *AITI* sebagai pihak *regulator* memang ada 2 rangka kerjanya (*frame works*):-

- a. Rangka Kerja Pelesenan (*Licensing Frame Work*); dan
- b. Rangka Kerja Perkhidmatan (*Quality of Services Frame Work*). Di bawah *Quality of Services* ini secara berkala dan berterusan membuat pemantauan dari segi kadar-kadar yang disediakan ataupun diberikan oleh para penyedia perkhidmatan telekomunikasi termasuk *mobile phone services*.

Dalam hal ini, mengambil kira jua prasarana yang ada dan juga dengan adanya 2 penyedia masa ini, dari masa ke semasa pihak *AITI* membuat perundingan secara *very close consultation* dengan pihak-pihak penyedia apabila untuk menyediakan sebarang kadar sebelum ia dikeluarkan. Jadi dari segi dasarnya, pihak Kementerian Perhubungan dan *AITI* mengambil perhatian tentang kepentingan orang ramai adalah terpelihara dan dijaga dari segi *affordability* dan *accessibility*.

Affordability dari segi kadar-kadar perkhidmatan yang bakal diperolehi dikira bersesuaian dan juga *affordable* untuk diterima dan diguna pakai.

Dari segi *accessibility*, itulah beberapa perbincangan sebelum ini sudah mengenai liputan akses perkhidmatan dan sebagainya. Perkara ini dari masa ke masa adalah peranan penting bagi pihak *AITI* dengan para penyediannya; dan

3. Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis tadi. Kaola ingin menjelaskan di sini, selalu terdengar kita menyebut *road tax* ataupun cukai jalan raya. Sebenarnya untuk makluman semua, ia bukanlah *road tax* atau cukai jalan raya. *It is actually vehicle license*, lesen kenderaan. *So it is not road tax, not* cukai jalan.

Dalam usaha kitani untuk memperbaiki berterusan dalam mengorak langkah dan memperbaiki lagi secara berterusan, apa jua perkhidmatan kepada orang ramai mengambil kira keselesaan, kesejahteraan untuk memenuhi kehendak orang ramai. Memang cadangan ini satu pemikiran yang baik dan mungkin, *إن شاء الله* dapat diteliti untuk pertimbangan. Walaupun cadangan 1 tahun ke 5 tahun, *إن شاء الله* mungkin 1 ke 3 tahun seumpamanya. perkara ini akan diteliti sebaik-baiknya, mengambil kira *all the external factors*.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kaola ingin merujuk Tajuk SM05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Seperti mana yang sama-sama kita maklumi, terdapat keperluan undang-undang dan peraturan bagi kewujudan agensi-agensi yang memberikan perkhidmatan insurans di negara ini. Pada misalannya, keperluan bagi semua kenderaan bermotor yang menggunakan jalan raya di negara ini untuk dilindungi oleh insurans (*insurance coverage*).

Dalam hubungan ini, kaola ingin mendapatkan penerangan mengenai keperluan yang dikenakan oleh agensi-agensi insurans yang menghendaki tambahan 20% ke atas *premium* bagi kenderaan bermotor yang sudah berumur lebih daripada 7 tahun yang diistilahkan sebagai *loading*. Kaola ingin tahu:-

1. Apakah rasional dan justifikasi terhadap tambahan 20% yang terpaksa ditanggung oleh pemilik-pemilik kenderaan bermotor yang dikenakan?;

2. Apakah tambahan ini dilihat sebagai memberatkan kalangan mereka yang tidak berkemampuan untuk menukar kenderaan mereka setiap 7 tahun sekali?; dan
3. Apakah tambahan 20% ini dirasakan perlu oleh kerana agensi insurans ini tidak mendapat keuntungan daripada perkhidmatan yang mereka berikan yakni mereka selama ini mengalami kerugian.

Sekian وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, kerana bertanyakan satu soalan berhubung kait dengan isu insurans dan mungkin dari perspektif kita ialah takaful untuk melindungi apa juga kelonggaran ataupun insiden di jalan raya.

Bagi menjawab soalan ini, kaola mungkin إِنْ شَاءَ اللهُ akan menambah lagi secara bertulis kepada Yang Berhormat, tetapi perspektif Kementerian Perhubungan dan pada dasarnya ingin kaola menjelaskan di sini bahawa Kementerian Perhubungan dan juga Jabatan Pengangkutan Darat memang mengadakan dialog ataupun perjumpaan dengan *BITA* iaitu *Brunei Insurance Takaful Association* khususnya juga yang berhubung kait dengan insurans ataupun takaful bagi kenderaan di jalan raya.

Apa juga perkara-perkara mikro ataupun yang kadar-kadar yang selalunya diberikan oleh pihak syarikat insurans ini melalui *BITA* ataupun perundingan *BITA* adalah kadar secara *commercial based on commercial arrangements* masing-masing. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum dan perhatian mengenainya dan mungkin dapat akan membawa perkara ini dengan pihak *BITA* mengenai soalan Yang Berhormat itu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

dan salam sejahtera. Kaola merujuk kepada Tajuk SN01A dan Tajuk SN05A. Kaola melihat sistem perhubungan yang berkesan adalah penting untuk mengendalikan pelbagai pergerakan barangan perkhidmatan dan maklumat terutama sekali dalam mendukung hasrat negara ke arah kemajuan dan pembangunan yang mampan, masyarakat yang dinamik serta ekonomi yang kental lagi kompetitif. Dengan berlakunya kelancaran perhubungan sudah barang setentunya akan membuka peluang pasaran, pencarian pekerjaan dan ruang perekonomian yang sangat luas.

Syukur *الْحَمْدُ لِلَّهِ* adalah diambil maklum salah satu usaha yang positif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perhubungan mengenai hal ini iaitu dengan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan bas-bas awam di negara ini. Adalah dicadangkan agar fungsi-fungsi pusat-pusat terminal bas dapat diperkembangkan luas lagi untuk merangkumi perkhidmatan bas antara daerah yakni *interdistrict* dan antara bandar yakni *intercity*, ini adalah sesuatu yang baik bagi perkhidmatan dalam atau dari luar negara.

Soalan kaola:

1. Adakah terdapat inisiatif ataupun perancangan dari pihak Kementerian Perhubungan bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan yang lainya untuk memanjangkan atau melanjutkan lagi waktu-waktu perkhidmatan pengangkutan bas awam untuk beroperasi di waktu malam?;
2. Jumlah kemalangan jalan raya di negara ini masih lagi pada tahap yang membimbangkan mengikut statistik yang diperolehi dari laman rasmi Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat. Jumlah kemalangan jalan raya yang dilaporkan di negara ini adalah sebanyak 3,375 kemalangan pada tahun 2016 dengan fataliti ada 16 kematian dan 2864 kemalangan pada tahun 2017 dengan fataliti 29 kematian, peningkatan dalam

jumlah bilangan kemalangan jalan raya termasuk kehilangan nyawa. Ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 tahun pada tahun 2012 yang antara lain baginda bertitah:-

"Kematian bukan sahaja kerana penyakit tetapi juga turut berlaku akibat kemalangan jalan raya. Ini juga amat membimbangkan kerana bilangannya terus meningkat."

Orang ramai biasanya sangat berhajat kepada jalan raya yang berkualiti tetapi ramai yang tidak mengendahkan harapan kerajaan untuk melihat supaya semua pengguna jalan raya juga mestilah berkualiti. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama mengawal dan mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya di negara ini.

Apakah perkembangan program keselamatan jalan raya yang telah dilaksanakan ataupun dirancang seperti yang terkandung dalam *blue print decade of action for road safety* 2011 hingga 2020 bagi Negara Brunei Darussalam. Adakah ia telah mencapai matlamat yang dihasratkan?

Sebelum ini program keselamatan jalan raya pernah dilaksanakan

di peringkat sekolah lagi, adalah diharapkan program sebegini dapat diaktifkan semula dalam sama-sama memastikan bahawa pengetahuan mengenai keselamatan di jalan raya ini dapat diserapkan dalam kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar dari peringkat sekolah lagi, sekian.

وبالله التوفيق والهداية التاكم بليكم ورخمة اللور ركانه

Yang Berhormat Meneteri

Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu yang menyuarakan 2 soalan:-

1. Berhubung kait dengan perkhidmatan pengangkutan awam ataupun bas. Pada masa ini di Daerah Brunei Muara khususnya disebut tadi dan *interdistrict* dari satu daerah ke daerah yang lain. Ada 2 perkara yang perlu dijelaskan iaitu dari segi perancangannya memang selaras dengan *Land Transport White Paper* dan *Land Transport Master Plan*, Perkara ini satu komponen dalam projek sistem Pengangkutan Darat ataupun penaiktarafan sistem Pengangkutan Darat.

Walau bagaimanapun, dari segi *interdistrict* pada masa ini memang dikenal pasti juga dari segi perkhidmatannya didapati terhad sedikit. Penelitian telah dibuat dan إن شاء الله sedang dikemaskinikan bagi

apa kiranya *duration of the services* itu mungkin dapat diubah ataupun dipanjangkan. Tetapi perkara ini mengambil kira juga dengan kapasiti ataupun keupayaan syarikat-syarikat penyedia yang berkenaan;

2. Jadinya, perkara bagi *interdistrict* seperti kaola sebutkan tadi dikenal pasti perkhidmatan perlulah pembaikan masa ini. Ada beberapa buah sahaja bas yang beroperasi dan bas ini pun telah dikenal pasti untuk dinaiktarafkan mengikut keperluan yang tertentu perundingan dengan pihak penyedia yang akan menyediakan perkhidmatan itu nanti.

Perkara ini juga mengambil kira seperti kaola sebutkan juga beberapa kali *external list* ataupun *external factors* yang mungkin sebarang perubahan dalam perancangan itu;

3. Berhubung kait keselamatan jalan raya dan perkara ini ada disentuh tadi oleh Yang Berhormat *blue print decade of action for road safety 2011* hingga 2020. الحمد لله *decade of action* ini telah pun berjalan sekian lama dan ia merupakan satu garis panduan yang boleh diguna pakai ataupun diambil kira untuk kesesuaian setiap negara masing-masing. Ia berhasil dari *United Nation* dan dalam hal ini memang benar berlakunya kemalangan di jalan raya ini dan menjadi kebimbangan kitani semua.

Di sinilah dalam mukadimah kaola jua disebutkan dalam memperkesakan lagi iaitu dengan mengenal pasti apa sebab-sebab utama atau apa penyebab-penyebab terjadinya sesuatu kemalangan. Di sinilah kaola menekan akan pendekatan ataupun kaedah *data analytics* bahawa pada masa ini bahawa Kementerian Perhubungan sedaya upaya untuk meningkatkan kapasiti dalam jurusan *data analytics* ini.

Kita mempunyai banyak data. Kita mempunyai data apa pun tetapi untuk menganalisis dan untuk memberitahu mengapa perkara ini berlaku, ia mungkin menjurus kepada 3 perkara iaitu *environment factors, engineering factors and possibly educational factors*. Perkara ini memanglah menjadi perhatian berat kepada MKKJR (Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya) dan Kementerian Perhubungan dan kita mengambil baik apa jua cadangan dan saranan Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi mempunyai 4 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan mengenai Jadual yang berkenaan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menengguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini bersidang semula setelah kita berhenti untuk berehat sebentar tadi. Kita masih lagi membincangkan Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Walaupun bagaimanapun, sebelum kita teruskan membincangkan Tajuk ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II ingin membuat kenyataan bagi menjelaskan atau memberikan respons soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Yang Dilantik bagi Jadual Kementerian Perhubungan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada soalan yang dikemukakan tadi pagi oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari terhadap bangunan Syarikat Telekom Brunei Berhad yang dikeluarkan pada bulan Mei.

TelBru adalah sebuah syarikat komersial yang mempunyai sistem penilaian prestasi berasaskan *performance based* dan Tahun Kewangannya adalah dari 1 April hingga 31 Mac. Oleh yang

demikian, prestasi syarikat dan prestasi kakitangan termasuk *KPI* akan dinilai selepas penghujung Tahun Kewangan syarikat iaitu selepas 31 Mac setiap tahun.

Setiap keputusan penilaian perlu mendapat kelulusan dari Lembaga Pengarah-Pengarah *TelBru* terlebih dahulu sebelum pembayaran bonus itu dilaksanakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Sekarang kita teruskan beberapa orang Ahli Yang Berhormat lagi untuk turut serta membincangkan mengenai Jadual yang berkenaan ini dan saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam dan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat:-

1. Kaola ingin meminta penjelasan dengan lebih lanjut lagi mengenai bajet yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan iaitu mengenai Pengangkutan sebanyak \$15 juta. Apakah tujuan \$15 juta itu diperuntukkan;
2. Mengenai teksi الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola

melihat dari statistik bahawa pada tahun 2017-2018 ada 54 buah teksi. akan ditambah lagi pada tahun 2018-2019 yang berjumlah 100 buah dan kitani maklum bahawa teksi sekarang ini pun الْحَمْدُ لِلَّهِ ada perempuan yang jadi *driver* teksi dan itu menunjukkan satu kemajuan bagi kitani.

Apa yang kaola sampaikan ini ialah mengenai ada keraguan mengenai teksi oleh pelancong-pelancong dan orang kitani. Mengenai imej teksi yang ada pada masa ini yang warnanya sama seperti kereta biasa. Adakah kemungkinan sekiranya diambil perhatian, mudahan ia akan dapat satu *corporate image* seperti yang pernah kitani buat dahulu semasa *CTS* yang dipanggil *purple* teksi. Jadi orang senang mengenal teksi dan sebagainya.

Ini kadang-kadang ada pelancong yang sampai di *airport* susah untuk mengenal teksi berkenaan. Seperti yang kitani ketahui di negara lain ada terdapat *purple* teksi dengan warnanya tersendiri dan sebagainya;

3. Mengenai bengkel yang masih terdapat di kampung-kampung yang kadang-kadang kurang terkawal. Adakah Kementerian Perhubungan membuat perancangan kalau ia di bawah kuasa kementerian mengenai menempatkan *workshop* ini di satu tempat yang lebih sesuai dan untuk menempatkan orang-orang kitani yang berminat untuk melibatkan diri hal *workshop*?;

Mengenai *landing right* di Lapangan Terbang Antarabangsa kitani. Selama ini banyak yang mengatakan bahawa *landing right* ini tertakluk kepada pihak *Royal Brunei Airlines*. Jadi mohon kepastian mengenai perkara ini kerana ada kadang-kadang tidak bisai usulnya dan ada kadang-kadang yang mengatakan susah untuk memohon *landing right* ke Brunei Darussalam ini dan sebagainya; dan

Adakah kitani di Negara Brunei Darussalam ini mempunyai insentif yang membolehkan lebih banyak penerbangan yang akan datang ke negara ini?. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad yang menyuarakan 3 soalan:-

1. Adalah soalan dasar iaitu berhubung kait dengan apa tujuan ataupun gunanya peruntukan besar sejumlah \$15 juta cadangan di bawah Kemajuan Projek Sistem Pengangkutan Darat dan izinkan kaola memberikan penjelasan dari segi 3 persfektifnya:

i. Peruntukan ini dihasratkan mula-mula sekali untuk menaik taraf Pengangkutan Awam iaitu

perkhidmatan bas yang sedia ada pada masa ini;

ii. Dengan adanya penaiktarafan itu, ia akan insya-Allah melibatkan beberapa perkara ataupun komponen yang telah dikenal pasti sebagai dipertimbangkan untuk pelaksanaannya iaitu dari segi infrastruktur iaitu stesen bas ataupun *bus stops* dari segi terminalnya dan juga dari segi *connectivity* ataupun perjalanan *route* bagi perkhidmatan pengangkutan awam yang berkenaan; dan

iii. Dari segi perkhidmatan ataupun *quality of services*, iaitu dengan adanya penaiktarafan itu ia bermakna modaliti ini berpandukan kepada modaliti yang *is a hybrid model of government and swasta* jua sebenarnya iaitu *upgrade of the system* ini, memang melibatkan bukan sahaja peruntukan tetapi sumber *resources* manusia yang berkeperluan iaitu kepakaran dan sebagainya. Di sinilah jua diharapkan peruntukan itu diberikan kepada *quality of services* dan *capacity building of keperluan-keperluan kepakaran dan sebagainya*.

2. Bagi soalan yang berhubung kait dengan teksi ataupun *taxi services*. Isu tadi yang dikaitkan dengan perkhidmatan teksi dari segi imej korporat ataupun corporate *branding*

nya. Untuk makluman jua kaola ingin menjelaskan bahawa setakat ini, *الحَمْدُ لِلَّهِ* seperti sudah kita sedia maklum perkhidmatan teksi bermeter sudah pun dilancarkan tahun lepas dan 1 tahun lebih sudah kita menjalannya.

Pada masa ini, kementerian sedang mereviu dan meneliti keberkesannya dari segi *assessment*, kemajuannya dan juga *demand* daripada orang ramai. Ini termasuklah jua mengambil kira mempertimbangkan apa jua *value added services* ataupun seperti yang ada dibincangkan awal tadi mengenai perkhidmatan-perkhidmatan seperti *applications* untuk membantu *value added* kepada perkhidmatan teksi ini kepada orang ramai supaya senang ataupun selesa mencari ataupun mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan teksi.

Dalam hal ini jua, *taxi services* pada masa ini memang dikenal pasti sebagai terhad jua dari segi jumlah teksi yang ada pada masa ini. Dalam hal ini, kementerian juga dan menyedari keperluan untuk mengisikan ruang-ruang ataupun *gaps* ini dengan adanya pilihan-pilihan lain dari pihak-pihak swasta yang membuat cadangan seperti untuk mengadakan perkhidmatan yang boleh memberi pilihan kepada orang ramai.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, untuk sekiranya pada masa terdekat ini, ada satu *corporate branding* akan diadakan? Memang pada masa ini, teksi secara *individual* syarikat persendirian dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dapat diteliti dan dapat dibuat pertimbangan mengenainya, seperti mana jua dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik yang ada pada masa ini. Akan tetapi janganlah kitani bulat-bulat mengikut amalan-amalan terbaik yang ada di luar negeri tapi ianya adalah mengikut kesesuaian dan keperluan dalam negara kita di sini;

3. Mengenai Bengkel. Bengkel-bengkel yang terdapat di Negara Brunei Darussalam ini, kaola ingin menjelaskan bahawa Jabatan Pengangkutan Darat buat masa ini ataupun sebelum ini jua dan sedang dijalankan jua memang ada *JPD approved Workshop*. Ada 3 kategori iaitu, kategori 'A', 'B' dan 'C'. Kategori ini diberikan mengikut saiz ataupun kapasiti *equipment* dan juga kepakaran yang diberikan oleh bengkel-bengkel berkenaan.

Dalam hal ini didapati jua beberapa bilangan bengkel-bengkel yang dibuat di rumah sendiri. Perkara ini sudah diambil perhatian dan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, berkerjasama di bawah satu

taskforce yang pada masa ini sedang berjalan jua. Ahli-ahlinya itu adalah beberapa agensi yang berkepentingan. Jabatan Pengangkutan Darat adalah salah sebuah daripadanya. Di sinilah usaha mengenal pasti bengkel-bengkel yang tidak memenuhi piawaian dari segi keselamatannya dan juga untuk kesejahteraan orang ramai jua sebenarnya.

Dan juga untuk menjaga keselamatan diri mereka sendiri bukan sahaja untuk orang ramai. Maka melalui *taskforce* ini Jabatan Pengangkutan Darat memang melaksanakan peranannya melalui penyelarasan yang dimaksudkan; dan

4. Mengenai *Landing Rights*. Perkara ini ada hubung kait dengan peranan pihak autoriti yang menjaga Penerbangan Awam. Dalam hal ini ia satu perkara ataupun *operational duty of their civil aviation authority* yang akan berunding dengan *civil aviation authority* di negara-negara yang berkenaan.

Dalam hal ini, ia perkara yang melibatkan satu *commercial arrangement* tetapi ia adalah perundingan antara syarikat penerbangan dengan *civil aviation authority* dan jua perkara ataupun slot tidak dapat dicapai ataupun dikehendaki, pada lazimnya boleh dibawa ke peringkat *authority* bagi kedua belah pihak. Itulah saja yang kaola dapat kongsi.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera. Kaola membawa Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos. Pada Musim Permesyuaratan tahun lepas, mantan Menteri Perhubungan ada menyebut mengenai *payment gateway* yang sudah dirundingkan bersama pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali bersama-sama pihak bank.

Apakah status perancangan pihak kementerian dalam menggalakkan penggunaannya *e-payment* dalam kalangan perusahaan dan perniagaan termasuk menembusi pasaran antarabangsa dalam menerima dan menghantar pembayaran termasuk pemasaran? Ini untuk mengupayakan digital *connectivity* dan jua meningkatkan kemampuan *e-Commerce* dan logistik kita serta jika ia menampakkan *progres* maka jangka masa pelaksanaannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan yang berhubung kait dengan Perkhidmatan

Pos. Dalam soalan itu Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh menanyakan mengenai status pelaksanaan yang digelar *e-payment* bagi menjana perkembangan *e-Commerce* dan sebagainya.

Dalam hal ini memang dalam perhatian Kementerian Perhubungan dan juga Jabatan Perkhidmatan Pos bagi mengorak langkah sebelum berkecimpung dalam arena *corporate entity*. Dalam mukadimah pun ada kaola sebutkan jua antara dasar tumpuan utama ataupun *priority policy to be implemented* ialah Dasar Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Ke arah itu memang secara interimnya beberapa persediaan perlulah dibuat dahulu. Antaranya untuk menjana ekonomi *digital* atau *e-Commerce* yang telah disebut tadi bahawa *payment gateway* di bawah penyelarasan pihak Kementerian Kewangan jua. Tetapi ingin kaola terangkan di sini.

Dengan adanya *e-Payment gateway* ini, ia merupakan satu keperluan yang sangat diperlukan pada masa ini kerana dengan adanya the *explosion of technology* dan dengan era digital ekonomi ini kita sudah sedia maklum dengan penghantaran pun sudah menurun bukan sahaja di Brunei bahkan seluruh dunia. Dalam hal ini, pengiriman bungkusan atau *parcel* semakin meningkat dan ia satu trend yang negara kita pun tidak ketinggalan dengan perkembangan ini.

Untuk memberikan sedikit gambaran, kaola ingin mengongsikan sedikit statistik *just to justify* Yang Berhormat tadi bertanya itu. Masa ini, dengan adanya *parcel delivery* ini ia telah pun meningkat di negara kita sendiri daripada bungkusan sahaja 225,000 pada tahun 2010 iaitu pada 8 tahun yang lepas kepada hampir setengah juta 492,600 pada tahun 2016 sahaja. Statistik ini meningkat tahun demi tahun dan secara trendnya surat makin menurun.

Inilah dikatakan satu cabaran yang perlunya *di-reskilling of staff and officers* di Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menangani isu *explosion of e-Commerce* ini. Bungkusan ini sebenarnya apabila disiasat dan dikenal pasti memang berpunca daripada barangan-barangan yang di *order* melalui *online* atau secara talian. Perkara ini ada hubung kait dengan keperluan *e-Payment gateway* itu. Insya-Allah, ia akan terus dijalankan sebelum mengorak langkah kepada satu *corporate entity* yang baharu. Mungkin inilah satu jua jalan rintis yang perlu dicuba dahulu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:

1. Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos. Dengan Peruntukan \$8,872,080.00 bagi Perbekalan 2018/2019 - Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita mengambil kesempatan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas penerangan mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengenai perancangan dan hala tuju Kementerian Perhubungan pada tahun 2018/2019 ini dengan keyakinan semoga dikuasakan Allah jua. Amin.

Yang Berhormat Pengerusi. Walaupun pada zaman ini, sistem perhubungan di dunia kecanggihannya tidak dinafikan, namun begitu Perkhidmatan Pos sebagai satu perkhidmatan klasik yang boleh kaola anggap sebagai perkhidmatan yang tertua.

Perkhidmatan ini tetap wujud dan akan terus memberikan kemudahan perkhidmatan pos kepada masyarakat dengan memberikan perkhidmatannya dimana sahaja alamat itu ditujukan. Kepada Jabatan Perkhidmatan Pos dimana jua di negara kita diucapkan tahniah dan ribuan terima kasih. Semoga perkhidmatan akan terus cemerlang.

Yang Berhormat Pengerusi. Surat-surat atau mel yang diterima

di Pejabat Pos daerah-daerah sebelum dihantar ke destinasi surat atau mel tersebut mahupun bungkusan-bungkusan yang sudah meningkat dihantar ke Perkhidmatan Pos iaitu kiriman tersebut mahupun bungkusan-bungkusan biasanya akan dihantar dahulu ke Pusat Memproses Mel atau *MPC* di Berakas.

Bagi tujuan melajukan proses ini adakah boleh dibuat satu cawangan lagi pemprosesan mel misalnya di Daerah Belait? Pejabat Perkhidmatan Pos Daerah Belait sudah pun mempunyai bangunan baharu juga sebagai penaikan taraf; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan mempunyai sejumlah peruntukan \$8,089,600.00 bagi Perbekalan 2018/2019. Yang Berhormat Pengerusi Jabatan Pengangkutan Darat biasa menjalankan tugas-tugas operasi pemeriksaan kenderaan bagi penguatkuasaan peraturan jalan raya dengan mengadakan sekatan jalan raya bagi tujuan memantau kenderaan-kenderaan yang menyalahi peraturan kenderaan yang tidak dibenarkan.

Dalam tugas-tugas menjalankan sekatan ini, kaola juga bercadang sekatan itu sesuai diadakan selain sekatan jalan raya ia juga dicadangkan diadakan di pos-pos

kawalan luar dan masuk di sempadan Negara Brunei Darussalam. Ini bertujuan menguatkuasakan peraturan bukan sahaja dalam negara malah tindakan yang diambil terhadap kenderaan yang dari luar negeri yang masuk ke negara Brunei yang menyalahi undang-undang jalan raya bagi kenderaan darat.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih diucapkan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin. Ada dua soalan tadi yang dikemukakan:-

1. Mengenai Perkhidmatan Pos. Soalnya bagi mempercepatkan proses dan mengadakan cawangan. Adakah cadangan untuk membuka atau mengadakan cawangan di Daerah Belait berbanding dengan *Mail Processing Center (MPC)* di Bandar Seri Begawan yang ada pada masa ini?

Bagi penjelasan ini izinkan kaola menerangkan sedikit jua mengenai peranan *MPC*. Secara ringkasnya *MPC* ini didaftarkan sebagai Brunei *office of Exchange*. Ini bagi menyahut keperluan-keperluan dari peringkat *International Organisation* dari segi *UPU* namanya iaitu *Universal Postal Union*.

Dari segi *internationahnya* maaf, *Universal Postal Union (UPU)* dan dari segi keperluan ini, cadangan bagi mengadakan satu Brunei *office of Exchange* di Belait diambil baik sebab perkara ini pun pernah jua dibangkitkan untuk perbincangan dan sama ada *feasibility* untuk mengadakannya di Daerah Belait memang diteliti dan dilihat untuk dipertimbangkan nanti.

Walau bagaimanapun, ia mengambil kira jua beberapa perkara seperti dari segi kapasiti, keperluan sumber tenaga manusia Jabatan Perkhidmatan Pos, dari segi asetnya, kemudahannya dan sebagainya. Dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dibawa ke penelitian lanjut lagi di pihak Kementerian Perhubungan; dan

2. Mengenai soalan Jabatan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Pengangkutan Darat bagi operasi pemeriksaan kenderaan yang dicadangkan untuk diadakan di pos-pos kawalan, pemikiran ataupun cadangan Yang Berhormat memang selari ataupun selaras dengan apa jua pemikiran di peringkat bukan sahaja di Kementerian Perhubungan tetapi akan dibawa ke pemikiran Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya.

Memang disedari selama ini jua banyak kemalangan jalan raya berpunca daripada antara lainnya pemandu dalam keadaan mabuk dan ini sedikit sebanyak

memerlukan pendekatan fokus untuk mengenal pasti *strategic point* yang boleh kita lakukan operasi-operasi bersepadu seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. perkara ini selari dan akan dibawa untuk penelitian dan pelaksanaannya pada masa terdekat ini

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sahaja soalan mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos iaitu Tajuk SN06A. Apakah status *timeline* perancangan bagi pihak kementerian dalam pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos? terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Inilah soalan cepumas terbesar. Bagi menjawab soalan ini seperti jua dalam mukadimah kaola sebelum ini menjadi satu dasar *Focus priority* untuk Kementerian Perhubungan bukan sahaja merancang lagi tetapi untuk melaksanakannya. Perancangan ini sudah lama sebenarnya dari peringkat penyediaan *framework* ataupun rangka-rangka kerjanya.

Sekarang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dalam penelitian untuk dilaksanakan dengan jua mengambil kira kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan yang relevan ataupun pakar dalam eksais dan pengkorporatan ini.

Dalam hal ini, pada ketika ini kaola belumlah dapat mengongsikan sebarang *definitive timeline* dan apa yang dapat kaola kongsi sahaja usaha-usaha ke arah melaksanakan perkara ini tertakluk jua kepada persediaan ataupun persediaan sumber-sumber dalaman bukan sahaja sumber-sumber dalaman tetapi juga jika perlu dan kaola tekankan jika perlu sahaja keperluan untuk mendapatkan pakar konsultan tetapi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* perkara ini masih lagi dalam penelitian dari segi tiga aspek:-

1. *Restructuring of the regulatory framework* ataupun kawalseliaannya macam mana karang Jabatan Pos ini apabila ia dikorporatkan dari segi penyedia perkhidmatan pos dan juga dari segi pengawalseliana ataupun *regulator*;
2. Dari segi *legal frameworknya* bahawa beberapa peruntukan memanglah sewajarnya perlu diambil kira pindaan; dan
3. Dari segi bisnes *modalitynya* ertinya dari segi pegawai dan kakitangan dan pemindahan aset-aset, mengambil kira jua pengalaman-pengalaman yang telah pun dilalui sebelum ini contohnya dalam sektor telekomunikasi yang telah pun dilaksanakan beberapa tahun yang

lepas Jabatan Telekom Brunei telah pun dikorporatkan menjadi sebuah entiti TelBru yang ada pada masa ini dan juga sebuah autoriti kawal seliaan yang digelar *AITI* yang ada pada masa ini.

Terima kasih itulah sahaja yang dapat Kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan terhadap soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan atau ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka saya fikir cukuplah setakat itu perbincangan kita mengenai Jadual ini dan tibalah masanya bagi kita untuk mengundi sama ada Jadual berkenaan ini diluluskan atau sebaliknya. Maka sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian, Belanjawan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan dua kementerian pada hari ini dan kita telah pun juga meluluskan Jadual kedua-duanya. Maka saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** persidangan akan kita sambung semula pada hari Selasa iaitu esok hari, 20 Mac 2018 sebagaimana biasa pada pukul 9.00 pagi. Sekian, **وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)